UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
*The National University of Malaysia*

PUSAT PEMBENTUKAN PENDIDIKAN LANJUTAN & PROFESIONAL
*CENTER FOR SHAPING ADVANCED AND PROFESSIONAL EDUCATION*

Ruj : UKM KPD.BPA.600-4/3/2
Tarikh : 22 Mei 2023

Semua Pelajar Prasiswazah
Pusat Pembentukan Pendidikan Lanjutan & Profesional
Universiti Kebangsaan Malaysia

Saudara/i,

**PENILAIAN PENGAJARAN KURSUS SEMESTER 2 SESI AKADEMIK 2022-2023 & PENDAFTARAN AWAL KURSUS SEMESTER 1 SESI AKADEMIK 2023-2024**

Merujuk kepada perkara di atas, sukacita sekiranya saudara/i membaca dengan teliti dan mengambil tindakan seperti berikut:

| Bil | Perkara | Tarikh |
|---|---|---|
| 1. | Menggunakan Pengenalan (No Matrik) dan Kata Laluan bagi mencapai Sistem Maklumat Pelajar Eksekutif (SMPE) di laman web SMPE, **https://smplucee.ukm.my/smpe**. Pelajar dinasihatkan supaya tidak mendedahkan kata laluan. | |
| 2. | Membuat penilaian kursus yang diikuti pada Semester 2 Sesi Akademik 2022-2023 **secara dalam talian melalui Sistem Penilaian Pengajaran dan Penyeliaan (SPPP) di http://www.ukm.my/sppp sebelum membuat pendaftaran awal Semester 1 Sesi Akademik 2023-2024**. Sebarang pertanyaan sila hubungi dengan Pn Nor Hapizah Abd Rahman di talian 03-8921 3887 atau emel kepada norhapizah@ukm.edu.my. | **5 - 18 Jun 2023** |
| 3. | Membuat pendaftaran awal kursus Semester 1 Sesi Akademik 2023-2024 di laman web SMPE, **https://smplucee.ukm.my/smpe**. Sila semak penawaran kursus di laman web UKMShape mengikut mod pengajian masing-masing. | |

| | | |
|---|---|---|
| 4. | Pendaftaran awal kursus adalah diwajibkan kepada semua pelajar. Pelajar yang tidak membuat pendaftaran awal kursus hanya dibenarkan membuat pendaftaran kursus Semester 1 Sesi Akademik 2023-2024 dalam tempoh tambah kursus **bermula pada 16 Oktober 2023**. Sila rujuk tarikh-tarikh penting di web UKMShape sebagai panduan.<br><br>**BAGI PELAJAR YANG MASIH TIDAK MEMBUAT PENDAFTARAN SELEPAS TEMPOH TAMBAH KURSUS TAMAT, AKAN DIKENAKAN CAJ TERUS KE AKAUN PELAJAR SEBANYAK RM50 SEPERTI YANG TERDAPAT DI DALAM PERATURAN AM KEWANGAN UKMSHAPE.** | |
| 5. | Edaran bahan bacaan akan diberi keutamaan kepada pelajar yang membuat pendaftaran awal kursus (jika berkenaan). | |
| 6. | Perlu diingatkan bahawa pendaftaran sebenar kursus Semester 1 Sesi Akademik 2023-2024 adalah tertakluk kepada keputusan peperiksaan semester sebelumnya dan keperluan prasyarat semester berikutnya. | |

Sebarang pertanyaan, sila hubungi pihak kami di talian 03-8921 3914/3562 atau emel kepada upprppkp@ukm.edu.my.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

**PROF. MADYA DR. FARIZA KHALID**
Timbalan Pengarah I
Akademik dan Pengembangan Program

s.k. - Penyelaras Program
- Ketua Bahagian, Pengurusan Teknologi Maklumat
- Ketua Unit Pengurusan Program & Rekod Pelajar